


EDISI JULAI-SEPTEMBER 2023

KUALITI



eISSN 2976-2596



9772976259003

MAJLIS PELANCARAN BULAN INOVASI DAN KUALITI UiTM 2023



Disediakan oleh : Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu

Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM diadakan pada setiap tahun dengan tujuan meningkatkan kesedaran warga universiti terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja, pembudayaan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan, mempelbagaikan dimensi kreativiti dan inovasi dalam prosedur kerja serta meningkatkan kecekapan ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada pelanggan.

Melalui majlis ini pihak universiti telah memberi pengiktirafan kepada kejayaan staf UiTM yang diperoleh secara seimbang berasaskan kepada konteks kreativiti, teknologi dan inovasi dalam pembangunan pendidikan. Bagi tahun 2023, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah dipilih sebagai penganjur program sambutan Hari Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2023 yang bertemakan 'Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti'.





“Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti”

Penganjuran Majlis Pelancaran Bulan Inovasi dan Kualiti adalah bertujuan menguar-uarkan kepada seluruh PTJ UiTM berkenaan aktiviti kualiti yang dijalankan, memberi pengiktirafan kepada PTJ di UiTM yang memperkasakan amalan budaya kerja berkualiti di peringkat universiti bagi meningkatkan kepuasan hati pelanggan melalui penambahbaikan yang berterusan .

Majlis ini dianjurkan bagi memberi pengiktirafan kepada kejayaan staf UiTM yang diperolehi secara seimbang berasaskan kepada konteks kreativiti, teknologi dan inovasi dalam pembangunan pendidikan disamping mempelbagaikan dimensi kreativiti dan inovasi dalam prosedur kerja.

Antara agenda yang dijadualkan semasa majlis pelancaran ini adalah Kuiz Kahoot yang akan di jalankan secara atas talian yang turut menawarkan hadiah menarik bagi pemenang.



KUALITI



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

2023. KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
 Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
 Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
 40450, Shah Alam,
 Selangor

eISSN 2976-2596



9 772976 259003